

Headline	Dagangan ditutup rendah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	05 May 2020	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Bisnes	Page No	32
ArticleSize	446 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 44,475		



Dagangan ditutup rendah

Krisis dagang AS-China tercetus semula lemahkan pasaran

Ulasan Pasaran

Bursa Malaysia mengakhiri dagangan pertama bagi Mei dengan ditutup rendah susut 2.22 peratus berikutan sentimen lemah di tengah pertelingkahan perdagangan Amerika Syarikat (AS)-China yang tercetus semula dan penurunan aktiviti perkilangan pada April.

Pada penutup, indeks utama FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) turun 31.19 mata kepada 1,376.59, selepas bergerak antara paras 1,375.39 dan 1,388.83 sepanjang hari dagangan. Indeks itu dibuka 18.95 mata lebih rendah kepada 1,388.83.

Suasana pasaran negatif apabila kaunter rugi mengatasi kaunter untung sebanyak 597 berbanding 284, manakala 356 kaunter tidak berubah, 632 tidak diniagakan dan 17 yang lain di-

gantung.

Jumlah dagangan susut kepada 5.47 bilion unit bernilai RM2.48 bilion daripada 5.85 bilion unit bernilai RM3.34 bilion sebelumnya.

Aktiviti kilang di beberapa negara Asia jatuh ke paras terendah pada April.

Indeks Pengurus Pembelian (PMI) Pembuatan Malaysia IHS Markit jatuh kepada 31.3 pada April 2020 daripada 48.4 pada Mac kerana sektor pembuatan mengalami tekanan disebabkan langkah dilaksanakan untuk membendung penularan COVID-19.

Penganalisis Pasaran Kanan OANDA bagi Asia Pasifik, Jeffrey Halley, berkata peningkatan retorik anti-China dari Washington pada hujung minggu, selain penurunan PMI pembuatan di seluruh Asia, menyebabkan ekuiti jatuh menjunam.

"Tekanan akan lebih ketara di pasaran dengan komponen sumber tinggi seperti Malaysia. Kebimbangan perdagangan, pandemik dan impak tidak secara langsung ke atas negara yang bergantung tinggi kepada perdagangan seperti Malaysia bermakna (saya jangka) FBM KLCI akan berada dalam tekanan sepanjang minggu ini," katanya.

Halley berkata, Bursa Malaysia dijangka menguji paras so-



Bursa tempatan turun 2.22 peratus semalam.

kongannya pada 1,360 dan 1,320 minggu ini.

Dalam kalangan saham pasaran tinggi, Maybank turun 19 sen kepada RM7.38, **TNB susut 12 sen kepada RM12.12**, Public Bank jatuh 52 sen kepada RM15.86, IHH Healthcare berkurangan 10 sen kepada RM5.15, Petronas Chemicals dan Maxis turun 20 sen setiap satu masing-masing kepada RM5.40 dan RM5.28, manakala Axiata susut 15 sen kepada RM3.79.

Dalam kalangan kaunter ceragas, Ucrest meningkat tujuh sen kepada 16.5 sen, Ageson naik tiga sen kepada 16 sen, Careplus

menokok lapan sen kepada 53.5 sen, Key Asic menambah 2.5 sen kepada lapan sen, Netx dan Lambo tidak berubah masing-masing pada satu sen dan 1.5 sen manakala Key Alliance turun satu sen kepada 8.5 sen.

Di papan indeks, Indeks FBM Emas turun 169.71 mata kepada 9,638.87, Indeks FBMT 100 susut 169.93 mata kepada 9,507.28, Indeks FBM Emas Syariah jatuh 169.89 mata kepada 10,720.25, FBM ACE berkurangan 18.11 mata kepada 4,776.00 manakala FBM 70 jatuh 20.76 mata kepada 11,639.47.

Mengikuti sektor, Indeks Per-

khidmatan Kewangan turun 243.5 mata kepada 12,229.41, Indeks Produk dan Perkhidmatan Perindustrian susut 2.16 mata kepada 118.28 manakala Indeks Perladangan berkurangan 137.31 mata kepada 6,223.71.

Jumlah dagangan Pasaran Utama turun kepada 3.37 bilion saham bernilai RM2.08 bilion daripada 4.19 bilion saham bernilai RM2.94 bilion sebelumnya.

Jumlah dagangan waran meningkat sedikit kepada 349.72 juta unit bernilai RM77.41 juta daripada 238.4 juta unit bernilai RM39.80 juta sebelumnya.

Jumlah dagangan di Pasaran ACE naik kepada 1.75 bilion saham bernilai RM316.89 juta daripada 1.42 bilion saham bernilai RM358.83 juta.

Produk dan perkhidmatan pengguna menyumbang 403.81 juta saham yang diniagakan di Pasaran Utama, produk dan perkhidmatan perindustrian (532.98 juta), pembinaan (845.68 juta), teknologi (390.18), SPAC (sifar), perkhidmatan kewangan (56.58 juta), hartanah (196.20 juta), perladangan (81.31 juta), REITs (11.21 juta), dana tertutup (39,500), tenaga (494.66 bilion), penjagaan kesihatan (74.86 juta), telekomunikasi dan media (147.78 juta), pengangkutan dan logistik (113.64 juta) dan utiliti (25.67 juta). **BERNAMA**

VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Amanah Pelaburan Tanah (REIT) (Amanah Pelaburan Tanah (REIT))	1	0	RM 0
AVA-Animal Welfare & Stray Management (AVA-Animal Health)	1	0	RM 0
Axiata Group (Axiata Group)	1	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 2)	1	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM 6)	1	0	RM 0
Bernama - MREM (Bernama - MREM)	1	0	RM 0
Bursa - CIMB (Bursa - CIMB)	2	0	RM 0
Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia Berhad)	7	0	RM 0
Construction Industry Development Board (CIDB) (Industry News - Covid- 19 - Malaysia (Covid- 19 - Malaysia)	2	0	RM 0
IHH Healthcare (IHH Healthcare)	6	0	RM 0
IHH Healthcare (IHH Healthcare)	1	0	RM 0
Malayan Banking Berhad (Malayan Banking Berhad)	1	0	RM 0
Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) (MTDC)	6	0	RM 0
Maxis Berhad (Maxis Berhad)	1	0	RM 0
Ministry of Health (MOH) -SG (Healthcare Industry News - SG)	1	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama)	6	0	RM 0
Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Pertubuhan Berita Nasional)	1	0	RM 0
PETRONAS Chemicals Group (PCG) (Petronas Chemicals Group)	1	0	RM 0
Pharmaceuticals Industry News (Pharmaceuticals - Healthcare & Property News - Cagamas (Property News - Cagamas)	3	0	RM 0
Property News - Cagamas (Property News - Cagamas)	1	0	RM 0
Public Bank Berhad (Public Bank Berhad)	1	0	RM 0
RAM Bursa Malaysia (RAM Bursa Malaysia)	1	0	RM 0
RAM Bursa Malaysia (RAM Bursa Malaysia)	3	0	RM 0
Ram Holdings-Industry News (Ram Holdings-Industry News)	1	0	RM 0
Securities Commission Malaysia (Special Purpose Acquisition)	1	0	RM 0
Singapore-Malaysia Relations (Singapore-Malaysia Relations - Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	3	0	RM 0
Star Reacher - Coronavirus (Star Reacher - Coronavirus)	1	0	RM 0
Tenaga Nasional Berhad (TNB) (Tenaga Nasional)	1	0	RM 0